

SOALAN LAZIM (FAQ)
FITUR-FITUR BAHARU - G SUITE ENTERPRISE FOR EDUCATION (GSEfE)

BIL	Soalan	Jawapan
1	Siapa yang boleh menggunakan e-mel / ID CM (Content Manager) ini?	Agihan ID ini ditentukan oleh Pengetua/Guru Besar bersama dengan Guru ICT/ Admin DELIMa Sekolah
2	Berapakah ID CM yang diperolehi oleh sekolah?	Setiap sekolah akan diberi lapan (8) ID bermula dari CM1 – CM8
3	Adakah email/ID Admin sekolah boleh digunakan oleh guru lain?	Tidak boleh. ID/email utama admin sekolah hanya boleh dikendalikan oleh guru yang diberikan tanggungjawab oleh pihak pengurusan sekolah. Semua urusan yang memerlukan data-data oleh PPD/JPN/KPM mestilah menggunakan salah satu ID CM yang telah dibekalkan.
4	Apakah peranan CM?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membangun dan menyelaraskan kandungan serta laman sekolah 2. Menyediakan folder dan isi kandungan untuk perkongsian kandungan/bahan sekolah. 3. Membangun <i>Google Form</i> bagi mengumpulkan data, <i>dashboard</i> & laporan sekolah melalui <i>Data Studio</i> 4. Fungsi-fungsi khas DELIMa
5	Siapakah yang layak memegang email/ID CM ini?	<p>Pemegang ID bergantung kepada pengurusan sekolah masing-masing. Namun ID CM1, CM2 dan CM3 harus diperuntukkan mengikut cadangan yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. CM1 - Mengurus Google Site Sekolah 2. CM2 - Mengendalikan Upacara Rasmi Sekolah 3. CM3 - Guru Data sekolah 4. CM4 - Penolong Kanan Pentadbiran/Kurikulum 5. CM5 - Penolong Kanan Hal Ehwal Murid 6. CM6 - Penolong Kanan Kokurikulum 7. CM7 - Ketua Bidang/Ketua Panitia 8. CM8 - 1 ID CM untuk simpanan <p>Manakala pembahagian ID CM4 hingga CM8 adalah dibawah tanggungjawab pengurusan sekolah.</p>
6	Adakah guru/sekolah perlu membayar apa-apa yuran berkaitan dengan <i>Google Workspace for Education</i> ?	TIDAK. Tiada yuran dikenakan untuk mengguna <i>Google Workspace for Education</i>

7	Adakah ID/e-mel guru mempunyai fungsi yang sama dengan ID CM ini?	Tidak. ID CM mempunyai tanggungjawab berlainan dan berkebolehan untuk melaksanakan fungsi <i>Live Streaming</i> .
8	Adakah ID JPN/PPD mempunyai fungsi yang sama seperti ID CM sekolah?	Ya, sama seperti fungsi ID CM sekolah, tetapi peranan ID CM sekolah hanya terhad di sekolah tersebut sahaja.
9	Mengapakah Pengetua/Guru Besar tidak boleh menggunakan ID CM?	ID CM adalah "ID fungsi" dan bukannya "ID peribadi". Maka Pengetua/Guru Besar boleh menggunakan ID CM untuk acara/program rasmi sekolah.
10	Apakah kata laluan untuk login ke ID CM?	Kata laluan perlu diperolehi daripada <i>Admin DELIMa</i> sekolah. Admin DELIMa sekolah boleh mengaktifkan ID CM dengan menetapkan semula (<i>reset</i>) kata laluan baharu untuk digunakan.
11	Bolehkah guru berkongsi menggunakan ID CM?	Tidak boleh.
12	Bolehkah ID CM ini diberikan kepada guru yang belum mempunyai ID (Guru Ganti atau Guru Sementara)?	Tidak boleh.
13	Saya seorang guru yang mengajar di sekolah A. Bagaimana kandungan/bahan PdP yang saya bangunkan boleh diakses oleh pihak sekolah A selepas saya berpindah ke sekolah B?	<p>Guru tersebut perlu memastikan kandungan/bahan PdP ditukarkan/dipindahkan hak milik kepada ID CM sekolah A</p> <p>Bagi kandungan/bahan mengenai pengurusan harian sekolah perlu ditukar hak milik. Contohnya, sekiranya seseorang guru membangunkan kandungan bagi program panitia sekolah seperti panitia Bahasa Melayu menggunakan ID DELIMa Guru, hak milik kandungan tersebut perlu ditukarkan kepada hak milik ID CM.</p> <p>Bagi kandungan/bahan PdP persendirian seperti bahan bantu mengajar, salinan boleh dibuat kepada sekolah A untuk penggunaan dan rujukan atas budi bicara guru.</p>
14	Bolehkah ID CM ini diaktifkan fungsi <i>2-Step Verification</i> ?	Tidak boleh. Fungsi <i>2-Step Verification</i> adalah fungsi tambahan pengesahan keselamatan. Kebiasaannya, <i>2-Step Verification</i> akan menghantar kod pengesahan melalui SMS kepada pengguna. Oleh kerana ID CM adalah sama seperti ID jawatan ianya tidak boleh terikat dengan mana-mana individu / nombor telefon individu tersebut.
15	Bolehkah ID CM ini diberikan kepada murid kerana ID ini mempunyai akses ke menu murid?	Tidak boleh.

16	Bolehkah sekolah menggunakan aplikasi <i>Google Meet</i> dengan ID guru untuk sebarang acara, program, perhimpunan dan majlis sekolah yang kapasitinya melebihi 250 orang?	Tidak boleh. Aplikasi <i>Google Meet</i> dengan ID guru hanya boleh menampung kapasiti tidak melebihi 250 orang manakala bagi acara, program, perhimpunan dan majlis sekolah yang kapasitinya melebihi 250 orang, pihak sekolah perlu menggunakan ID CM. ID CM boleh menguruskan <i>Live Streaming</i> sehingga 100,000 peserta di dalam <i>Google Meet</i> .
17	Bolehkah ID <i>Admin</i> DELIMa atau ID CM digunakan untuk menyertai mesyuarat, majlis atau latihan yang dianjurkan oleh KPM?	Tidak boleh. Penggunaan ID <i>Admin</i> DELIMa atau ID CM adalah tidak dibenarkan bagi menyertai mesyuarat, majlis atau latihan yang memerlukan kehadiran guru. Guru tersebut perlu menggunakan ID DELIMa Guru sendiri.
18	Bolehkah ID <i>Admin</i> Sekolah dan CM dikongsi dengan murid atau ibu bapa/penjaga?	Tidak boleh.
19	Apabila guru yg mempunyai peranan sebagai CM bertukar peranan, berpindah sekolah atau berhenti kerja, apakah proses serahan tugas yang perlu dilakukan untuk memastikan kandungan sekolah terus boleh digunakan oleh warga sekolah?	Senarai pengurus kandungan dan nama guru yg memegang ID perlu disimpan oleh pihak pengurusan sekolah. Apabila guru tersebut bertukar peranan, bertukar sekolah atau berhenti kerja, <i>Admin</i> sekolah boleh menukar <i>password</i> berdasarkan kelulusan oleh pengurusan sekolah dan memberi peranan itu kepada guru yang mengambil alih tugas tersebut.
20	Apakah proses dan transisi kandungan oleh guru yang berpindah supaya kandungan atau <i>Google Classroom</i> itu boleh diteruskan sehingga habis tahun persekolahan?	CM boleh mewujudkan folder serahan tugas dan meminta guru untuk membuat salinan kandungan untuk digunakan oleh warga sekolah. <i>Ownership</i> kandungan dan <i>Google Classroom</i> boleh diberikan kepada CM sekolah untuk pengurusan serahan tugas.